

Remaja idam gaji lumayan dikurung, dibelasah di Myanmar

Derita ditipu sindiket *Love Scam*

Oleh NOR AZIHAN MD. GHAZALI

KUALA LUMPUR – Impian seorang remaja untuk mendapat gaji lumayan dengan bekerja sebagai pelayan di pusat karaoke di Bangkok, Thailand berkecai apabila bukan sahaja dibelasah, malah dikurung seperti hamba selama hampir dua bulan oleh satu sindiket penipuan.

Lebih malang apabila ahli keluarga mangsa dikehendaki membayar RM120,000 untuk menebus dirinya supaya dapat dibawa pulang ke Malaysia.

Remaja yang ingin dikenali sebagai Cheah, 19, berkata, mimpi ngeri itu bermula apabila dia ternampak iklan mengenai kekosongan jawatan bagi pekerjaan itu di Facebook dengan gaji RM4,000 pada Mac lalu.

Kata remaja berasal dari Taman Merdeka, Melaka itu, tawaran itu sangat jauh bezanya dengan upah bulanan yang diterima sebagai pembantu kafe di Melaka sebanyak RM1,800.

"Saya bersetuju untuk bekerja tanpa memaklumkan kepada ahli keluarga.

"Mereka kemudian membawa saya dari Melaka dengan menaiki kenderaan pelbagai guna jenis Toyota Alphard hingga ke sempadan di Sungai Golok, Kelantan sebelum diseludup ke Thailand melalui jalan tikus pada April



CHEAH (duduk, kiri) menunjukkan kesan kecederaan yang dialaminya pada sidang akhbar di Biro Pengaduan Awam MCA semalam.

lalu," katanya ketika membuat aduan di Biro Pengaduan Awam di Wisma MCA di Jalan Ampang di sini.

Menurut Cheah, dia kemudian dihantar ke Bangkok dengan perjalanan yang memakan masa selama 10 jam tanpa menggunakan pasport.

Tambahnya, sebaik tiba di sebuah penempatan dipercayai pusat operasi kegiatan penipuan, barulah dia sedar yang dia telah diperdaya dan dikehendaki bekerja dengan sindiket

berkenaan.

"Mereka menjalankan pelbagai kegiatan penipuan termasuk *Love Scam* yang menyasarkan mangsa dari seluruh dunia termasuk Taiwan dan Amerika Syarikat," katanya.

Ujar Cheah, selepas tiga hari, dia diseludup pula ke sebuah bangunan empat tingkat di Myawaddy, Myanmar.

"Di situ, saya lihat lebih kurang 1,000 orang dipercayai warga Malaysia yang bekerja dengan sindiket tersebut yang

mana setiap tingkat ada 300 orang disyaki turut menjadi mangsa penipuan sindiket tersebut," katanya.

Ujar Cheah, dia enggan melakukan apa yang disuruh oleh sindiket tersebut menyebabkan dia sering dibelasah menggunakan kayu besbol termasuk ditolak dari balkoni tingkat tiga bangunan itu menyebabkan tulang rusuk serta kaki kirinya patah termasuk cedera pada kepala.

"Ketika jatuh, saya tidak sedarkan diri sebelum dibawa ke hospital dan menerima rawatan lebih dua minggu," katanya.

Tambahnya, sebaik dibenarkan keluar wad, dia telah dijemput oleh ahli sindiket yang juga warga Malaysia untuk dihantar semula ke bangunan sama.

"Ketika itu saya hubungi ahli keluarga dan rakan untuk memaklumkan kejadian itu dan menyatakan hasrat untuk pulang kerana tidak tahan diperlakukan seperti hamba," katanya.

Menurut Cheah, ahli keluarga dan rakan kemudian berjaya mengumpul wang sebanyak RM120,000 sebagai syarat untuk membebaskan dirinya daripada cengkaman sindiket sebelum dia dihantar ke Mae Sot, Myanmar.

Katanya, dia akhirnya tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada Mei lalu dengan bantuan pihak kedutaan

Kronologi remaja ditipu sindiket

Awal Mac 2022

- Diperdaya iklan tawaran kerja di Facebook

Hujung Mac

- Diseludup ke Thailand melalui Sungai Golok sempadan Malaysia-Thailand

April

- Dibawa ke Myawaddy, Myanmar dan dipaksa bekerja sebagai *scammer* termasuk dibelasah anggota sindiket

2 Mei

- Mangsa diseludup keluar dari Myanmar masuk ke Thailand

3 Mei

- Ditahan oleh pihak Jabatan Imigresen Thailand selama 20 hari

1 Jun 2022

- Mangsa tiba di tanah air melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan bantuan pihak kedutaan

dan sangat bersyukur apabila bebas daripada menjadi tawanan sindiket selama hampir dua bulan.